

**TEKNIK SENI LAKON NAZRI DALAM PENGAJARAN:
SATU KAJIAN KES DI NEGERI SELANGOR**

MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2014

Lumrah kehidupan manusia tidak dapat lari dari aktiviti yang berkaitan dengan unsur seni lakon. Pentas dunia acapkali disamakan sebagai pentas lakonan yang dipenuhi dengan pelbagai watak dan perwatakan dalam situasi yang berbeza-beza. Unsur-unsur seperti peniruan, pengulangan, penghayatan, aksi dan reaksi merupakan antara elemen yang terdapat dalam Teknik Seni Lakon Nazri. Pemilihan enam Teknik Seni Lakon Nazri adalah berteraskan kesesuaian pengaplikasiannya dalam konteks pengajaran. Enam teknik seni lakon yang dijadikan sebagai panduan adalah teknik muncul, teknik penyampaian dialog, teknik pengucapan improvisasi, teknik progres, teknik membina klimaks dan teknik masa. Penerapan teknik seni lakon ini bukan sahaja dapat dilihat menerusi pergaulan seharian malah lebih jelas dalam bidang kerjaya terutamanya bagi seorang guru. Oleh itu, kajian ini akan meninjau penggunaan Teknik Seni Lakon Nazri kepada guru dalam pengajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar negeri Selangor. Kajian ini akan mengenalpasti teknik asas seni lakon yang diterapkan dalam pengajaran. Selain itu kajian ini turut menganalisa teknik-teknik yang telah dikenalpasti dalam proses pengajaran tersebut. Objektif seterusnya adalah mengkaji tahap kesedaran guru-guru terhadap penggunaan teknik seni lakon dalam pengajaran mereka di samping melihat kesesuaian penerapan teknik seni lakon secara mendalam. Fokus kajian adalah terhadap pemilihan tiga buah sekolah sekitar negeri Selangor berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2009 serta menjadikan 30 orang guru sebagai responden. Kajian akan memperlihatkan cara penyampaian pengajaran yang dikendalikan oleh guru-guru tersebut. Berdasarkan kepada pemerhatian, temubual dan rujukan perpustakaan maka corak pengajaran guru-guru tersebut akan diselarakan dengan enam teknik seni lakon yang dipilih. Analisis kajian akan menunjukkan hasil dapatan terhadap tahap kesedaran dan kepentingan pengaplikasian Teknik Seni Lakon Nazri dalam proses pengajaran tersebut.



ABSTRACT

In life, people cannot escape from activities associated with the element of drama. Life is about the stage of theatrics that have often equated filled with various character and characteristic in different situations. Elements such as imitation, repetition, appreciation, action and reaction are one of the elements found in the drama technique. Selection of six Nazri's Acting Techniques is based on the suitability of its applications in teaching. Six Nazri's Acting Techniques that serves as a guideline is emerging techniques, dialogue delivery techniques, improvisation techniques, progress techniques, time techniques and climax techniques. Application of Nazri's Acting Techniques not only can be seen through daily interactions even more obvious in the field of career especially for a teacher. This study aims to explore the use of drama techniques in teaching at secondary schools around Selangor. This study will identify the basic techniques of drama as applied in teaching. Furthermore, this study also analyses the techniques that have been identified in the teaching process. The next objective is to investigate the awareness of teachers on the use of drama techniques in their teaching as well as suitability of the application of Nazri's Acting Techniques in depth. The study focused on the selection of three schools in the state based on the Sijil Pelajaran Malaysia results of the 2009 and made the 30 teachers as respondents. The study will show how the delivery of instruction conducted by the teachers. Based on observation, interview and references, teachers teaching style will be aligned with the six selected drama techniques. Analysis for the findings of the study will show the level of awareness of the use of Nazri's Acting Techniques in teaching method.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Sorotan Literatur	10
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Metodologi Kajian	18
BAB II TEKNIK SENI LAKON NAZRI	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Teknik Muncul	22
2.2.1 Persiapan Fizikal	23
2.2.2 Persiapan Karektor	25
2.3 Teknik Penyampaian Dialog	27
2.3.1 Mekanisme Penyokong Bunyi	30
2.3.2 Mekanisme Pengeluar Bunyi	30

2.3.3	Mekanisme Penghasilan Perkataan	32
2.3.4	Karektor dalam Penyampaian Dialog	32
2.3.5	Tekanan Dinamik	33
2.3.6	Tekanan Nada	35
2.3.7	Tekanan Irama	36
2.4	Teknik Pengucapan Improvisasi	36
2.5	Teknik Progres	40
2.5.1	Progres Nada	41
2.5.2	Progres Gerak Tubuh	43
2.6	Teknik Membina Klimaks	44
2.6.1	Pembinaan Klimaks melalui Plot	45
2.7	Teknik Masa	48
2.8	Kesimpulan	50
BAB III	APLIKASI TEKNIK SENI LAKON NAZRI DI KALANGAN GURU	
3.1	Pengenalan	53
3.2	Latar Belakang Guru	54
3.3	Pengetahuan dan Pemahaman	58
3.4	Kemahiran dan Pelaksanaan Pengajaran	62
3.5	Masalah dalam Pengajaran Guru	73
3.6	Kemahiran Dan Pengetahuan Guru tentang Teknik Seni Lakon Nazri	76
3.7	Hasil Temubual	79
3.8	Hasil Pemerhatian Guru di dalam Kelas	83
3.9	Hasil Pemerhatian Guru dalam Kelas Berbeza	88
3.10	Kesimpulan	90

BAB IV ANALISIS TEKNIK SENI LAKON NAZRI DALAM PENGAJARAN

4.1	Pengenalan	92
4.2	Analisis Teknik Muncul dalam Pengajaran	93
4.3	Analisis Teknik Penyampaian Dialog dalam Pengajaran	100
4.3.1	Tekanan Dinamik	102
4.3.2	Tekanan Nada	107
4.3.3	Tekanan Irama	109
4.4	Analisis Teknik Pengucapan Improvisasi dalam Pengajaran	113
4.4.1	Improvisasi Mimik	116
4.4.2	Pose	117
4.5	Analisis Teknik Progres dalam Pengajaran	121
4.5.1	Teknik Progres Suara	123
4.5.2	Teknik Progres Fizikal	126
4.6	Analisis Teknik Membina Klimaks dalam Pengajaran	128
4.7	Analisis Teknik Masa dalam Pengajaran	134
4.7.1	Teknik Masa menerusi Pergerakan dan Pengucapan	140
4.8	Kesimpulan	143

BAB V KESIMPULAN

5.1	Pengaplikasian Teknik Seni Lakon Nazri dalam Pengajaran	145
5.2	Kesedaran terhadap Penggunaan Teknik Seni Lakon Nazri dalam Pengajaran	149
5.3	Pendapat dan Cadangan	152

RUJUKAN	154
----------------	-----

LAMPIRAN

A	Contoh Surat Kebenaran Kajian Lapangan	158
B	Contoh Surat Kebenaran Kajian Lapangan	159
C	Contoh Jadual Waktu Kelas untuk Kajian Lapangan	160
D	Contoh Borang Rakaman Semasa Kajian Lapangan (A)	161
E	Contoh Borang Rakaman Semasa Kajian Lapangan (B)	162
F	Contoh Borang Soal Selidik	163
G	Gambar-gambar	169

No. Jadual		Halaman
3.2.1	Senarai Subjek mengikut Tingkatan dan Sekolah	54
3.2.2	Taburan Guru mengikut Jantina & Bangsa	55
3.3	Kelulusan Guru mengikut Sekolah	56
3.4	Pengetahuan dan Pemahaman terhadap Pengajaran dalam Teknik Seni Lakon Nazri	59
3.5	Perbandingan Pengetahuan Guru dalam Teknik Seni Lakon Nazri Mengikut Subjek	77

SENARAI CARTA

No. Carta		Halaman
3.1	Taburan Guru Mengikut Jantina	55
3.2	Tempoh Pengalaman sebagai Guru	58
3.3	Pengetahuan Guru dalam bidang Lakonan	63
3.4	Kebolehan Guru dalam Mengawal Kemungkinan semasa Pengajaran	65
3.5	Konflik yang kerap dihadapi di dalam Kelas	66
3.6	Kaedah Guru Mengatasi Konflik semasa Pengajaran	67
3.7	Cara Terbaik Mempersembahkan Diri semasa Pengajaran	69
3.8	Kepentingan Teknik Seni Lakon dalam Membantu Pengajaran	71
3.9	Cadangan Menerapkan Teknik Seni Lakon di kalangan Guru Secara Formal	73
3.10	Perbandingan Pengetahuan Guru dalam Bidang Seni Lakon Mengikut Sekolah	79

SENARAI RAJAH

No Rajah		Halaman
2.3.2	Mekanisme Suara	31
4.3	Tiga Bentuk Tekanan dalam Nada Suara	102
4.5	Elemen-elemen yang Membentuk Teknik Progres	123
4.6	Empat Bentuk Teknik Penahanan Klimaks	132
4.7.1	Contoh Perjalanan Pengajaran 1 – Guru dari SMK USJ 12	136
4.7.2	Contoh Perjalanan Pengajaran 2 – Guru dari SMK USJ 12	136
4.7.3	Contoh Perjalanan Pengajaran 3 – Guru dari SMK SSAAS	136
4.7.4	Contoh Perjalanan Pengajaran 4 – Guru dari SMK SSAAS	137
4.7.5	Contoh Perjalanan Pengajaran 5 – Guru dari SMK Seri Kembangan	137
4.7.6	Contoh Perjalanan Pengajaran 6 – Guru dari SMK Seri Kembangan	137

SENARAI SINGKATAN

P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMK SSAAS	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
BM	Bahasa Melayu
MT	Matematik Tambahan
MM	Matematik Moden
PI	Pendidikan Islam
GEO	Geografi
SEJ	Sejarah
IT	Teknologi Maklumat

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Manusia tidak akan terlepas dari berinteraksi antara satu sama lain di dalam kehidupan seharian. Proses berinteraksi ini akan berlaku di dalam kelompok komuniti bermasyarakat. Dalam konteks ini, proses komunikasi merupakan satu landasan yang amat penting dalam menjalankan peranan untuk menyalurkan maklumat serta informasi tertentu terhadap sesuatu perkara. Tidak kira di rumah, tempat awam, mahupun di dalam institusi pendidikan, proses komunikasi akan memainkan peranan dan fungsi yang tertentu.

Komunikasi dalam pendidikan menunjukkan satu proses yang berlaku di antara guru dan pelajar. Proses komunikasi yang jelas ini dapat dilihat dari sudut penyaluran maklumat yang berlaku antara guru dan pelajar tersebut. Maklumat berkaitan akademik disampaikan dalam pelbagai cara seperti penggunaan papan putih, gambarajah, *power point*, dan sebagainya. Walaupun secara dasarnya komunikasi yang berlaku lebih dilihat melalui satu sudut saja iaitu dengan penggunaan vokal, tetapi dalam konteks komunikasi yang lebih meluas, ia meliputi pelbagai medium yang berinteraksi secara tidak langsung. Sebagai contoh, komunikasi yang berlaku tanpa penggunaan vokal adalah seperti gerak tubuh, penggunaan props, kostum atau pemakaian, dan juga persekitaran. Elemen-elemen yang telah disebutkan ini secara tidak langsung mempunyai keselarian dengan elemen yang terdapat dalam teknik lakonan pentas. Sebagai mana watak yang dilakonkan oleh seorang aktor, ia juga turut

menuntut kaedah pengaplikasian sistem komunikasi yang sama. Peranan yang dibawa oleh seorang aktor juga memerlukan penerapan nilai dan aspek komunikasi yang berkesan antara aktor dengan penonton.

Pengaplikasian teknik lakonan sememangnya akan berlaku sama ada secara sedar atau pun tidak di dalam situasi yang rasmi atau tidak dalam konteks perhubungan seharian tidak kira sama ada di rumah, pejabat, sekolah, atau pun mana-mana tempat awam,. Apabila dikaitkan unsur lakonan dengan aspek pendidikan di sekolah, secara langsung akan menghubungkan pelajar dengan guru. Walaupun ia hanya dipandang sebagai satu proses pembelajaran, tetapi ia juga turut memberi gambaran seakan-akan sebuah lakonan pentas. Ini adalah kerana proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menepati gambaran dan persamaan terhadap sebuah lakonan pentas. Persamaan yang dapat dilihat dengan ketara adalah seperti pelakon, penonton, ruang, masa, dan tempat.

Proses pengajaran secara tidak langsung telah membentuk satu penerapan tentang pengaplikasian unsur lakonan di dalam kelas yang mana guru merupakan pelakon utama dan pelajar adalah penontonnya. Bagaimanapun, kajian ini akan memperlihatkan penerapan teknik lakonan itu serta kepentingan dan kesedarannya dalam proses pengajaran di sekolah menengah. Proses ini akan melibatkan secara langsung peranan guru, tidak balas pelajar dan unsur persekitaran. Pembentukan teknik lakonan yang betul terhadap guru-guru dan bakal guru akan memungkinkan satu penemuan yang baru dalam konteks pengajaran berkesan.

Penerapan teknik gaya lakonan sememangnya dilakukan oleh semua guru dan ianya telah berlaku secara tidak sedar dan sebaliknya. Proses ini dapat dilihat dalam sistem pengajaran setiap institusi pendidikan termasuk sekolah rendah dan menengah. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap guru-guru yang mengajar di sekolah menengah sahaja. Pemilihan ini berlandaskan kepada relevansi pendekatan yang menjurus kepada pelajar-pelajar peringkat menengah yang lebih matang penerimaannya berbanding pengajaran di sekolah rendah, pendekatan yang berbeza ini telah ditetapkan oleh sistem pendidikan negara.

Kajian ini turut memperlihatkan pengaplikasian teknik lakonan di dalam proses pengajaran yang meliputi beberapa subjek yang tertentu. Pemerhatian terhadap beberapa orang guru akan diperlihatkan menerusi unsur pengulangan pengajaran di dalam kelas yang berbeza. Proses pengajaran ini adalah meliputi pelbagai elemen dalam proses persediaan seorang guru sebelum, semasa, dan selepas mengajar.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian dapat dicungkil menerusi beberapa aspek seperti permasalahan dari sudut kesedaran, pengaplikasian teknik, dan juga proses pengajaran. Berdasarkan kepada penetapan yang telah dikemukakan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P), ianya telah menerangkan tentang kaedah yang sewajarnya dalam menyalurkan maklumat berkaitan akademik serta penerimaan pelajar terhadap maklumat tersebut. Walau bagaimanapun, dasar ini tidak menekankan kaedah pengaplikasian teknik lakonan di dalam pengajaran itu sendiri. Ianya dilihat sebagai sesuatu yang penting di dalam kajian ini kerana setiap kejadian yang berlaku antara pelajar dan guru adalah merupakan satu gambaran sebuah pementasan teater. Perumpamaan ini dapat dikaitkan apabila terdapat beberapa elemen yang selaras dengan pembentukan karektor seorang pelakon dan juga penonton.

Proses pengajaran merupakan satu proses yang dianggap sebagai satu lakonan. Akan tetapi, proses tersebut berlaku di dalam situasi yang formal dan secara tidak langsung ia tidak mengaplikasikan ke semua unsur sebagaimana yang diterapkan oleh seorang aktor. Menurut Khalid Abdul Samad (2005), walaupun aspek pengajaran ini banyak mengangkat elemen komunikasi tetapi kesedaran terhadap keberkesanannya tidak dititikberatkan secara terperinci. Gambaran mengenai penguasaan teknik pengajaran yang berkesan harus dititikberatkan oleh guru dan bukan hanya bergantung kepada penyaluran ilmu akademik semata-mata. Guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam mengawal situasi pelajarannya akan memberi satu impak yang akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar secara tidak langsung. Kemahiran ini juga mempunyai perkaitannya dengan teknik pengajaran yang menjurus kepada pengaplikasian teknik seni lakon kerana di dalam teknik seni lakon turut menuntut aspek pembentukan watak yang merangkumi disiplin pembawakan karektor serta pembentukan watak.

Masalah pembelajaran di sekolah sering kali dilihat menerusi beberapa sudut yang meliputi kemudahan infrastruktur, bimbingan ibu bapa dan juga sikap pelajar yang kurang minat di dalam subjek yang diajar di sekolah-sekolah. Akan tetapi, masih terdapat permasalahan lain yang turut menyumbang ke arah kurangnya minat belajar di kalangan pelajar sekolah. Pelbagai pihak telah cuba menuding jari kepada kerajaan, ibu bapa, dan pelajar sekiranya pelajar tersebut tidak berminat dengan subjek yang dipelajarinya (Rio Sumarni, Abd. Aziz, 1989). Di dalam konteks ini, ada kemungkinan masyarakat kurang memandang ke arah satu lagi pihak yang perlu dipertanggungjawabkan iaitu dari sudut perwatakan seorang guru.

Peranan serta pembawakan seorang guru di dalam kelas sebenarnya sangat besar dan boleh menyumbang ke arah pembentukan minat pelajar. Ianya bukan sahaja dilihat menerusi aspek ilmu yang disampaikan, malah pembinaan disiplin diri dan karektor seorang guru itu juga turut memainkan peranan dalam membentuk minat pelajar terhadap subjek yang diajarnya. Menjejakkan kaki sebagai langkah pertama seorang guru ke dalam kelas dapat memberikan seribu pengertian kepada para pelajar walaupun mereka belum disalurkan dengan ilmu-ilmu berunsur akademik. Oleh itu, persiapan seorang guru dari sudut fizikal dan mental sebelum melangkah ke dalam kelas haruslah dititikberatkan.

Gaya lakonan pentas dan proses persiapan diri guru di bilik darjah mempunyai keselarisan dari beberapa sudut termasuk persiapan guru sebelum, semasa, dan selepas mengajar. Dalam elemen teater, ianya memberi persamaan dengan peringkat pra-produksi, produksi, dan juga pasca produksi. Oleh yang demikian, pengaplikasian disiplin persembahan juga turut menuntut gaya yang sama walaupun dalam landasan yang berbeza. Kebanyakan guru tidak menyedari bahawa rutin seharian mereka dalam pengajaran telah menerapkan teknik seni lakon secara tidak langsung. Oleh itu, adalah penting bagi mereka memahami secara terperinci tentang penerapan teknik ini supaya proses pengajaran dapat dilangsungkan dengan lebih berkesan. Apabila dihubungkan antara pengajaran dan pembelajaran berkesan, permasalahan seterusnya telah memberi satu input mengenai pembentukan suasana di bilik darjah. Penerimaan pelajar mengenai topik yang disampaikan dapat menyumbang ke arah prestasi akademik pelajar tersebut. Justeru itu, teknik dan gaya pengajaran yang betul mampu untuk mempengaruhi pelajar supaya lebih berminat terhadap pengajarannya.

Penggunaan teknik seni lakon di kalangan para pendidik tidak pernah dititikberatkan oleh bakal-bakal guru menerusi pelbagai kajian yang telah disoroti. Akan tetapi, secara tidak langsung sebenarnya setiap guru di sekolah telah pun mengamalkan aspek lakonan di dalam proses pengajaran mereka. Sebagai contoh, guru yang mengajar subjek matematik akan membawa peranan sebagai guru matematik setelah dirinya melangkah ke dalam bilik darjah. Pengalaman pertama membuatkan para pelajar mula mengenali guru matematik tersebut dengan ciri-ciri fizikal dan karektornya. Proses ini akan mengalami pengulangan apabila guru tersebut memasuki kelas yang berbeza tetapi masih mengajar subjek yang sama.

Guru tersebut tidak menyedari bahawa aksi seorang guru matematik tersebut adalah watak yang dipersembahkan kepada pelajar-pelajarnya secara berulang-ulang. Hal ini dianggap sebagai peniruan aksi di dalam konteks seni lakon. Menurut Benedetti, R. L (1970), lakonan dapat diinterpretasikan sebagai satu unsur peniruan yang mana aktor akan melakonkan sesuatu aksi yang telah dirancang dan dikawal oleh satu sistem (skrip) yang menuntut supaya aktor tersebut keluar dari dunia realiti sebenar dan meletakkan dirinya di dalam satu personaliti berbeza yang telah ditetapkan. Hal yaang demikian tetap berlaku pada guru walaupun dalam landasan yang berbeza.

Kaedah yang sama dapat dilihat dalam situasi bilik darjah walaupun guru tidak mempersembahkan lakonan di atas pentas. Apabila pembentukan karektor tersebut tidak disedari dan dirancang, maka pendekatan teknik lakonan tidak dapat diaplikasikan dengan sempurna. Oleh yang demikian, pelajar akan mula merasa bosan terhadap keadaan berulang yang dibentuk oleh seorang guru. Oleh itu, kesedaran terhadap pembentukan keadaan oleh seorang guru tidak dititikberatkan dengan baik kerana kebanyakan daripada mereka hanya mementingkan aspek pengajaran sahaja tanpa memperdulikan pembentukan karektor yang sewajarnya.

Permasalahan dalam kajian ini meliputi tahap penerimaan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mungkin sesetengah guru mempunyai pendekatannya yang tersendiri namun dalam teknik seni lakon, mereka mungkin tidak membuatkan pelajar melahirkan sifat ingin tahu, yakin, dan percaya terhadap apa yang diajar. Oleh yang demikian, ilmu seni lakon akan memainkan peranan bukan sahaja bagi

membentuk karektor malah dari aspek pembentukan daya pemujuk kepada para pelajar.

Permasalahan lain di dalam isu ini adalah menerusi persediaan seorang guru semasa berhadapan dengan pelajar. Di dalam situasi sebegini, guru sebenarnya telah bertindak sebagai pelakon yang berhadapan dengan penonton. Kebiasaannya guru-guru yang memulakan langkah pertama di dalam proses pengajaran tidak menitikberatkan latar pelajarnya. Unsur ini menyebabkan pelbagai tanggapan yang tidak sewajarnya berlaku di kalangan guru terhadap pelajar dan begitu juga sebaliknya. Proses sedemikian memerlukan ilmu lakonan yang mana aspek pengucapan pertama dan gerak tubuh membolehkan pelajar meletakkan perspektif yang positif kepada guru tersebut.

Satu aspek yang tidak pernah dipandang secara serius di kalangan para pendidik ialah seni gerak tubuh atau istilah dalam konteks seni lakon disebut sebagai improvisasi. Improvisasi adalah satu teknik yang sering dipraktikan oleh setiap pelakon pentas. Ia adalah satu proses yang membentuk kreativiti pelakon dalam mempersembahkan lakonan yang berkesan. Sebagai guru, teknik improvisasi sangat diperlukan kerana ia mempunyai kekuatan dalam membentuk kreativiti pengajaran yang berkesan. Oleh yang demikian, sebegus mana pun ilmu yang dimiliki oleh seorang guru, maka tahap kesampaian ilmu tersebut terhadap pelajar tidak akan tercapai sepenuhnya. Sebagai contoh, guru yang bijak dalam sesuatu bidang menyampaikan ilmunya dalam keadaan yang statik atau hanya berdiri di hadapan tanpa bergerak.

Situasi begini akan menyebabkan pelajar merasa bosan dan kurangnya minat terhadap subjek yang diajar. Improvisasi juga akan menuntut seorang guru itu membentuk satu kaedah pengajaran yang tidak membosankan. Ini kerana di dalam teknik improvisasi, guru lebih berinteraksi menggunakan bahasa tubuh yang melibatkan mimik muka, pose, dan pergerakan setiap anggota badan. Setiap perlakuan akan memberikan maksud yang tertentu dalam persembahannya. Ia juga turut berfungsi sebagai satu bentuk komunikasi tidak verbal. Faktor ini menyebabkan seorang guru harus mendalami ilmu lakonan supaya dapat memahami bahasa tubuh yang berfungsi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Persiapan seorang guru sebelum menjejakkan kaki ke dalam kelas lebih tertumpu kepada silibus pengajaran yang melibatkan sebuah buku ringkasan yang mengandungi perancangan pengajaran sepanjang tahun sahaja (Rio Sumarni, Abd Aziz). Namun mereka tidak menitikberatkan tentang persiapan dan perancangan yang melibatkan diri dan perwatakan semasa mengajar.

Teknik progres teater memerlukan seorang aktor itu merancang perjalanan drama yang bermula dari permulaan, pertengahan atau klimaks, dan seterusnya pengakhiran cerita. Begitu juga dengan fungsi guru di dalam bilik darjah, teknik progres akan memberi satu perancangan yang membolehkan guru itu membuat perancangan aksi sebelum memasuki bilik darjah. Teknik progres memerlukan seorang guru itu tidak menjalankan pengajaran hanya secara mendatar sahaja.

Dinamik semasa pengajaran perlu dirancang oleh guru agar perjalanan proses pengajaran melalui tahap yang rendah kepada tahap yang tinggi. Di dalam bahasa lakonnya pengertian tahap tinggi ini disebut sebagai klimaks. Perbezaan klimaks yang dibentuk di dalam lakonan pentas dengan bilik darjah adalah satu fasa yang sama tetapi di dalam situasi yang berbeza. Konflik yang dibentuk di dalam drama pentas lebih menjurus kepada konflik di antara watak manakala di dalam bilik darjah pula, klimaks akan muncul apabila berlakunya proses soal jawab dan pengujian kepada pelajar mengenai topik yang telah diterangkan sepanjang tempoh pembelajaran hari itu.

Teknik progres ini juga memungkinkan penemuan anti-klimaks yang mana pelajar yang diuji tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh itu. Permasalahan ini dapat dikaitkan dengan tumpuan pelajar yang tidak fokus sepanjang pengajaran dan mungkin menyumbang ke arah teknik pengajaran yang tidak berkesan. Oleh itu, teknik progres ini dapat membentuk satu kaedah penerapan yang membolehkan segala aksi dibentuk dengan baik.

Kelemahan seorang guru dalam proses pengajaran adalah menerusi aspek penggunaan vokal. Proses pengajaran yang baik tidak dapat dilangsungkan seandainya seorang guru itu tidak menitikberatkan kepentingan vokal dalam pengajaran. Vokal memainkan peranan yang amat penting dalam proses komunikasi manusia. Penyampaian maklumat akan mengalami gangguan seandainya penggunaan vokal

tidak tepat. Di dalam permasalahan ini, vokal bukan sahaja mengenai mengeluarkan suara, tetapi ia turut berkait rapat dengan pembentukan dinamik, nada, dan irama (Mohamad Nazri Ahmad, 2008). Latihan vokal sebelum pengajaran adalah amat penting kerana ia berfungsi untuk membentuk sistem pernafasan yang baik supaya pengucapan menjadi lebih jelas. Apabila disebut mengenai kepentingan latihan vokal, ia bukalah menjurus kepada aspek nyanyian sahaja, tetapi ia lebih menumpu kepada proses komunikasi berkesan. Latihan pernafasan dan memanaskan otot-otot suara membolehkan mekanisma pengeluaran bunyi dan penghasilan perkataan menjadi lebih lancar. Oleh yang demikian, penekanan terhadap persiapan vokal juga menjadi satu elemen yang harus dititikberatkan terutamanya kepada seorang guru yang tidak terlepas dari menggunakan suaranya semasa pengajaran. Seandainya vokal tidak diaplikasikan dengan sempurna, maka proses menyampaikan maklumat tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

Kesimpulannya, kajian ini akan memberikan satu penemuan baru dalam aspek pengajaran di sekolah. Permasalahan yang telah dikemukakan sememangnya berlaku di dalam proses pembelajaran di sekolah tetapi tidak dipandang sebagai satu isu yang sebenarnya dapat membentuk peribadi seorang guru serta memberi perspektif yang lebih baik kepada pelajar. Selain daripada itu, sekiranya aspek-aspek ini dianalisis, ianya akan memperlihatkan sama ada komunikasi yang dibentuk melalui teknik lakonan di dalam P&P dapat dilaksanakan dengan baik atau pun tidak.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Di antara objektif kajian ini seperti:

- 1.3.1 Mengenalpasti teknik asas seni lakon dalam pengajaran yang diaplikasikan di sekolah menengah.
- 1.3.2 Menganalisis penerapan Teknik Seni Lakon Nazri dalam pengajaran.
- 1.3.3 Mengkaji kesedaran dan tahap pengaplikasian Teknik Seni Lakon dalam pengajaran serta melihat keberkesanan teknik-teknik seni lakon tersebut.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian penerapan Teknik Seni Lakon Nazri dalam proses pengajaran mempunyai beberapa kepentingan terhadap beberapa pihak. Hasil kajian ini sememangnya dapat dijadikan panduan kepada para guru dan bakal guru yang telah menceburi bidang pendidikan. Mungkin selama memegang jawatan sebagai pendidik mereka tidak menyedari bahawa pentingnya teknik lakonan dalam pengajaran. Akan tetapi berlandaskan kepada kajian ini, inisiatif yang sewajarnya boleh diambil untuk memberi perubahan dalam proses pengajaran. Selain daripada itu, mereka juga dapat memupuk pendekatan yang lebih berkesan dalam memberikan kelainan setelah mengaplikasikan Teknik Seni Lakon Nazri ini. Pembaharuan ini secara tidak langsung akan memberi lebih kesedaran terhadap proses pengajaran dan bukan sahaja menitikberatkan soal kepakaran bidang semata-mata.

Ilmu teknik seni lakon akan memberikan satu pendekatan yang berbeza berbanding proses pengajaran yang biasa kepada bakal pendidik yang akan menceburi bidang pendidikan. Oleh yang demikian, mereka yang bakal menjadi pendidik ini akan lebih peka terhadap elemen lakonan yang boleh meningkatkan tahap prestasi seorang guru. Sehubungan dengan itu, apabila terlahirnya lebih ramai pendidik generasi baru yang menitikberatkan elemen lakonan secara tidak langsung dapat menaikkan kualiti seorang guru yang bukan sahaja menguasai bidang tertentu malah turut mempunyai ilmu dalam teknik pengajaran dalam konteks lakonan. Oleh itu, persediaan dan latihan yang rapi dalam teknik seni lakon membolehkan bakal-bakal guru lebih yakin untuk menghadapi alam pendidikan.

Pengaplikasian teknik lakon dalam pengajaran di sekolah dapat diterapkan di institusi-institusi yang bakal melahirkan para pendidik di atas landasan pendidikan. Kesedaran ini dapat menjadikan teknik seni lakon sebagai satu kursus wajib yang patut diambil di kalangan pelajar institut pengajian pendidikan. Tidak kira bidang kepakaran yang diambil seperti metamatik, sejarah, ekonomi, sains atau agama, teknik yang sama boleh diaplikasikan kerana ianya menuntut bakal pendidik menggunakan pendekatan teknik lakonan yang lebih berkesan.

Kajian ini bukanlah bertujuan untuk menggubal dasar yang telah ditetapkan malah ianya juga mempunyai kepentingan dari sudut penambahbaikan agar penyampaian pengajaran menjadi lebih berkesan melalui aspek lakonan yang diterapkan. Panduan menerusi pengaplikasian teknik lakonan ini secara tidak langsung dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam memantapkan lagi sistem pengajaran dan pembelajaran pendidikan negara.

1.5 SOROTAN LITERATUR

Kajian dan tinjauan seumpamanya pernah dijalankan berdasarkan kepada skop kaedah pengajaran dalam pendidikan. Kajian yang pernah dijalankan di Malaysia biasanya meliputi aspek pengajaran berkesan yang melihat kepada penglibatan pelajar di dalam kelas. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada skop motivasi dan pendekatan menerusi bidang kepakaran semata-mata. Bagi menyokong penghujahan yang bakal dikemukakan, beberapa teori dan juga kertas kerja yang berkaitan akan dirujuk supaya dapat mengukuhkan fakta-fakta dengan lebih tepat. Oleh kerana kajian ini memperlihatkan dua bidang yang berkaitan iaitu lakonan dan juga pengajaran, maka sorotan literatur yang dijalankan juga turut menerokai perkaitan dua bidang ini yang mana meyumbang ke arah satu landasan iaitu komunikasi.

Kernodle, George R (1967) telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Invitation to The Theatre* telah menyatakan kepentingan drama dalam aspek perhubungan dan komunikasi. Selain menerangkan tentang pengenalan terhadap lakonan teater yang dihayati secara mendalam, beliau juga turut mengaskan tentang kepentingan aspek lakonan dalam kehidupan seharian. Secara dasarnya, lakonan teater secara tidak langsung telah menjadi satu aspek yang penting melalui konteks komunikasi. Lakonan yang ditonjolkan adalah merupakan satu gambaran yang berupaya mempengaruhi minda masyarakat penonton khususnya.

Buku ini turut menerangkan tentang aspek realisme yang terdapat di dalam drama pentas. Perkaitan aspek realisme dalam kajian ini adalah melalui pancaran realiti masyarakat melalui aspek-aspek seperti percakapan, pemakaian, dan sebagainya. Oleh yang demikian ia juga turut menyentuh isu yang mengaitkan dengan perlambangan realiti dalam kehidupan. Dalam erti kata lain, sebagai pendidik, unsur

pembawakan diri dalam pembentukan watak juga adalah melalui konteks yang sama.

Penampilan pertama dapat memberikan seribu makna kepada penonton ataupun pelajar. Selain daripada itu, ia juga turut menekankan kepentingan drama melalui melalui teknik lakonan yang boleh diaplikasikan di dalam proses pendidikan.

Indra Suherjanto (1997) dalam artikelnya telah mengaji tentang proses komunikasi yang berlaku dalam sesebuah produksi teater. Di dalam bukunya yang bertajuk *Komunikasi dalam Seni Pertunjukan Teater*, beliau telah memberi satu takrifan terhadap kepentingan sistem komunikasi yang berkesan dalam mewujudkan satu persembahan atau pementasan yang baik. Beliau berpendapat bahawa pementasan teater itu adalah bersifat *Actor Oriented* yang mana salah satu sifat sesebuah persembahan adalah bergantung kepada perilaku pemain atau pelakon. Oleh yang demikian, kemahiran dalam komunikasi adalah dititikberatkan agar pelakon itu tahu siapa penontonnya dan bersedia untuk mempersembahkan satu persembahan yang dapat diterima oleh setiap penonton.

Elemen yang mesti ditekankan dalam sanubari seorang pelakon adalah dialog. Dialog merupakan satu unsur yang dianggap sangat penting dan jelas dalam menggambarkan situasi dan keadaan. Pelakon juga dikatakan mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi minda penonton melalui watak dan perwatakan yang dibawa. Hanya dengan berlandaskan watak yang dibawa, sistem komunikasi antara dua watak yang ditonton oleh penonton mampu untuk mengubah persepsi penonton terhadap sesuatu isu.

Hasil tulisan Mohamad Nazri Ahmad (2008) yang bertajuk “Seni Lakon Mencerminkan Sikap Masyarakat” telah memberikan beberapa Teknik Seni Lakon Nazri yang mempunyai perkaitannya dalam kehidupan seharian. Di dalam artikel tersebut beliau telah membincangkan tentang aspek lakonan dengan terperinci iaitu menghubungkan perlakuan manusia dengan manusia lain. Antara Teknik Seni Lakon Nazri yang telah diterangkan adalah seperti teknik muncul pertama kali, penggunaan suara, improvisasi, dan sebagainya. Di dalam konteks ini, beliau telah memberi penekanan terhadap pengaplikasian teknik lakon dalam komunikasi sesama manusia. Selain daripada itu, artikel tersebut juga menerangkan tentang tahap kesedaran dan penggunaan teknik-teknik tersebut dalam aspek pembentukan watak

dan peribadi. Seterusnya terdapat juga perkaitan unsur lakonan tersebut di dalam cerminan budaya yang mana mencerminkan peribadi seseorang. Perhubungan yang amat rapat telah menyentuh elemen yang sama dengan kajian yang dijalankan menerusi teknik lakonan dan perkaitannya dengan persekitaran. Manakala kajian ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan yang menghubungkan persekitaran itu dengan suasana di dalam sebuah bilik darjah.

Charles Morris (1989) merupakan seorang pakar semiotik telah menulis di dalam bukunya yang bertajuk *Sign & Symbol in Theater* menunjukkan bahawa seluruh tindakan manusia melibatkan tanda dan makna dalam berbagai macam cara yang menarik perhatian. Setiap tindakan manusia akan menjadi sedar terhadap tanda, menginterpretasikan tanda dan kemudian memutuskan bagaimana cara meresponnya.

Simbol-simbol yang dibawa oleh pelakon melalui interpreatsi sutradara berfungsi untuk mengkomunikasikan konsep, gagasan umum, pola, atau bentuk. Di dalam konteks ini, konsep ditakrif sebagai makna yang dipegang dan ia terlibat dalam sesuatu proses komunikasi, tetapi masing-masing akan memiliki kesan atau makna peribadi yang mengisi gambaran umum tersebut. Kesan peribadi merupakan konsepsi orang yang mendengar dan menerima maklumat.

Courtney, R (1991) telah menulis sebuah buku yang telah diterjemahkan oleh Rahmah Bujang yang bertajuk *Lakon, Drama dan Pemikiran*. Kandungan buku ini meliputi aspek latar belakang intelektual drama dalam pendidikan. Secara dasarnya, Courtney telah memberi satu persepsi terhadap perkaitan antara drama dan pendidikan. Beliau telah mengulas mengenainya dan mengaitkan falsafah terhadap drama yang disumberkan daripada Plato. Selain itu beliau telah membincangkan mengenai aspek psikoanalisis dan psikoterapi yang mana terkandung dalam elemen pembujukan terhadap proses pendidikan. Dalam tulisannya, beliau juga telah meneliti aspek pemikiran dari sudut sosiologi dan turut memberi pandangan mengenai kajian terhadap sesuatu kelompok masyarakat. Bukan itu sahaja, secara ringkasnya, Courtney juga telah mengaitkan pemikiran, bahasa, dan pembelajaran dengan daya cita dramatik. Ianya secara tidak langsung amat sesuai digunakan sebagai teks asas bagi kajian ini melihat perkaitan antara pengajar dan penuntut di dalam elemen drama.

Buku yang mengaitkan tentang sejarah dan pembentukan lakonan di dalam pentas awal teater telah ditulis oleh Magarshack, D (1973) yang berjudul *Stanislavsky on the Art of the Stage*. Buku ini banyak menerangkan tentang latarbelakang tokoh teater iaitu Stanislavsky. Selain menyentuh mengenai kisah hidup beliau dalam membentuk beberapa teknik dan persiapan untuk menjadi seorang aktor, buku ini juga telah menerapkan elemen-elemen yang berkaitan dengan pembentukan sistem di dalam pentas. Selain daripada itu, beliau juga telah memberi panduan tentang penerapan nilai-nilai yang berkaitan dengan etika di atas pentas. Walaupun ianya hanya menyentuh nilai pentas yang sebenar, tetapi di dalam kajian ini, ianya turut memberi persamaan walaupun hanya di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, pendekatan dan pengaplikasian yang sama masih boleh digunapakai dan dilihat bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu.

Azahari Abu Bakar (1981) telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Di dalam penulisannya, beliau sepertimana Courtney telah mengaitkan elemen psikologi di dalam pembelajaran. Akan tetapi beliau tidak menyentuh elemen yang berkaitan dengan teknik lakonan. Di dalam penulisannya, beliau turut menerangkan beberapa langkah dan teknik pembelajaran berkesan yang boleh diaplikasikan. Tetapi, ianya telah menyentuh secara menyeluruh iaitu dengan menghubungkan seluruh faktor sekeliling seperti suasana di dalam bilik darjah. Di samping itu, beliau juga mengatakan bahawa proses psikologi merupakan satu pendekatan yang boleh digunakan di dalam pembelajaran dan ianya memerlukan kemahiran yang tinggi.

Aspek psikologi seperti yang dinyatakan oleh Azahari ternyata mempunyai sedikit persamaan menerusi tujuannya. Selain itu, ia juga telah memberikan satu ruang persamaan dalam konteks pengaruh dan pembujukan. Justeru itu, elemen lakonan drama tidak diketengahkan yang mana menekan terhadap pembawakan diri seorang pendidik. Sebuah buku yang bertajuk *The Theatre At Work* hasil tulisan Robert L. Benedetti (1970) telah memberikan gambaran yang agak jelas mengenai elemen teater dalam kehidupan terutamanya dalam pekerjaan. Secara dasarnya beliau telah mengatakan bahawa teater adalah lambang terhadap kehidupan. Ia juga mempunyai magis dalam membentuk persekitaran yang baru serta mempunyai unsur-unsur pembujukan.